

**CIRI-CIRI JAKU SEMA DAN JAKU SILUP DALAM  
PENGAJARAN BUNGAI JAKU  
THE ELEMENT OF JAKU SEMA AND JAKU SILUP IN TEACHING OF  
BUNGAI JAKU**

*Elizabeth Janie Anak Silai & Chemaline Anak Osup\**

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

\*chemalineusop@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Artikel ini meninjau ciri-ciri jaku semas dan jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku. Jaku semas ialah ungkapan yang digunakan untuk membandingkan sesuatu keadaan bagi memudahkan pembaca faham terhadap perkara yang diterangkan dan jaku silup ini dituturkan bagi mengelakkan diri daripada ditimpa sebarang masalah. Penyelidikan ini dibuat bagi mengatasi masalah utama dalam kalangan ahli masyarakat Iban iaitu tidak dapat mengenal pasti ungkapan jaku semas dan jaku silup dalam bungai jaku. Selain itu, pemahaman mesej yang ingin disampaikan oleh kedua-dua ungkapan juga amat berbeza. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data ialah kaedah kepustakaan, kaedah lapangan dan kaedah pemerhatian. Kaedah kepustakaan dijalankan untuk mengumpul data-data yang penting. Kajian rintis dijalankan untuk memperbaiki kelemahan borang senarai semak melalui temu duga bersama 23 orang responden. Seterusnya, kajian pemerhatian dijalankan ke empat buah sekolah dan 80 orang pelajar dijadikan responden. 15 soalan berkaitan dengan ciri-ciri jaku semas dan jaku silup disediakan dan perlu diisi oleh responden. Dapatan kertas kerja menunjukkan bahawa terdapat empat ciri-ciri jaku semas yang telah dikenal pasti. Misalnya, membandingkan keadaan dalam ungkapan, mesej yang disampaikan mudah difahami, bermula

dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi di pangkal ayat serta mudah dikenal pasti. Sebaliknya, jaku silup ialah ungkapan yang mempunyai erti yang bersembunyi, berteka-teki, digunakan di tempat berpenghuni, untuk mengelakkan malapetaka dan kecelakaan. Bagi persamaan pula, kedua-duanya merujuk kepada sesuatu yang spesifik, mempunyai maksud tertentu, menerapkan cara hidup manusia, terdiri daripada frasa-frasa figuratif dan terdiri daripada sepatah dua perkataan sahaja. Justeru, dengan adanya kajian seumpama ini ia boleh menambahkan bilangan bahan ilmiah jaku sema dan jaku silup dan jumlah penyelidik yang mengkaji kepelbagaian bahasa terutamanya bahasa Iban di Sarawak.

Kata Kunci: ciri, jaku sema, jaku silup, bungai jaku

### **ABSTRACT**

*This artikel is to review the characteristics of the idiom and euphemism on the language arts in Iban's Language lesson. Idiom compares the situations in the related messages which were delivered in a most understandable of the sentence and the euphemism used to avoid disasters and accidents. The research created to overcome the main problem of Iban community that is to identify the idiom and euphemism on the language arts in Iban's Language lesson. In additional, the messages which were delivered of Idiom and euphemism were very different. The method is to obtain the outcomes of the research which are document analyses, field work and observation. The document analyse is used to collect important data. The field work is to improve the weakness of the checklist form an interview with 23 respondents. Furthermore, observation studies were conducted in four schools and 80 students were respondents. The results of the research show that four characteristics of the idiom in Iban's language art had been identified. For example, to compares the situations in the related messages which were delivered in a most understandable way by using words such as asai, baka, enda and munyi at the beginning of the sentence. Conversely, euphemism has a hidden, riddled meaning used to avoid disasters and accidents. Both of them are*

*similar in some specific thing that implies certain meanings, portraying the human lifestyles with figurative phrases and consists of one or two words only. Therefore, this research may increase the corpus of knowledge on idioms and euphemism as well as the total number researchers whole study the various of language structure especially Iban language in Sarawak.*

*Keywords: Characteristics, idioms, euphemisme, language arts.*

## **PENDAHULUAN**

Janang Ensiring et.al (2009:77) telah memberikan makna bunga jaku sebagai kata-kata yang sering disebut-sebut untuk mencantikkan idea atau buah fikiran yang disampaikan kepada pendengar. Hal Ini bertujuan untuk mengelakkan pendengar daripada berprasangka buruk kepada penutur. Sebagai contoh, biar mati anak jangan mati adat. Jaku sema orang Iban berfungsi seperti bidalan dan pepatah dalam masyarakat melayu. Seterusnya, jaku silup bersifat tidak berklausa, tidak bersahutan, dan hanya menggunakan sepatah dua kata sahaja. Oleh itu, kedua-dua jaku sema dan jaku silup adalah suatu bentuk petitih dalam masyarakat Iban. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, hlm 181), bidalan ialah ungkapan yang sering dituturkan oleh masyarakat dan mempunyai mesej yang bersifat nasihat serta peringatan. Haji Zainal Abidin Safarwan (2002, hlm 1403) menyatakan bahawa pepatah ialah sesuatu peribahasa, lambang, perkataan yang dituturkan oleh orang-orang tua, simpulan bahasa, perumpamaan, rangkaian kata dan perbahasaan.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Bahasa Iban ialah bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Iban di Sarawak sejak dahulu kala sehinggalah sekarang. Leka Main: Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Tentang Bentuk Dan Fungsi (Chemaline, 2006, hlm 9) menyatakan terdapat 23 etnik termasuklah kaum Iban di negeri Sarawak dan berpuluh-puluh lagi suku kaum pribumi yang lain. Kaum-kaum tersebut menganut pelbagai agama, kepercayaan,

adat resam dan budaya serta bertutur dalam bahasa dan dialek masing-masing mengikut daerah-daerah kediaman mereka. Menurut Janang di dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm iii), jaku sema mempunyai dua (2) ciri utama. Pertama, ia adalah kata atau frasa/ungkapan yang mempunyai sifat berterus terang, tidak bersembunyi dan tidak berteka-teki apabila merujuk sesuatu perkara. Ungkapan ini berfungsi sebagai perbandingan kepada sesuatu perkara bagi memudahkan pembaca memahami perkara yang diterangkan.

Jaku sema mempunyai tiga (3) kata banding iaitu baka, munyi dan asai (seperti, bagai dan umpama) atau sesuatu yang boleh dilihat, didengar dan dirasai di pangkal ungkapan jaku sema. Namun begitu, Satia Gerik (2009) mendapati bahawa jaku sema mempunyai empat (4) kata banding di pangkal ayat iaitu asai, baka, munyi dan enda. Jaku silup ini hanya menggunakan dua dan tiga perkataan sahaja untuk membina ungkapan. Mata engkudu bersinonim dengan mata keranjang ataupun rambang mata memberikan makna perlakuan seseorang tidak tahu membuat pilihan kerana berkenan pada semua. Casper Kayong Umping dalam bukunya *Sempama Jaku Iban* (2014, hlm 4) menyatakan bahawa jaku silup tangkan (kata-kata pedoman atau nasihat) diungkapkan supaya berjaga-jaga pada setiap tutur kata, perangai, tindakan dan perlakuan manusia bagi mengelakkan diri daripada menghadapi situasi yang buruk ataupun kecelakaan. Masyarakat Iban percaya bahawa rezeki tidak akan senang diperolehi kerana hantu berumah di bawah dagu. Beliau menjelaskan bahawa jarak antara manusia dengan makhluk halus atau hantu hanyalah setebal kulit terung. Oleh yang demikian, masyarakat percaya bahawa makhluk halus dapat mendengar setiap perkataan yang dituturkan oleh manusia.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Masalah utama dalam kalangan ahli masyarakat Iban dalam konteks bunga bahasa ialah tidak memahami perbezaan antara jaku sema dan jaku silup. Malah ahli-ahli masyarakat Iban terutamanya generasi kini tidak dapat menggunakan dua bentuk aforisme ini

dalam pertuturan mereka. Masalah kedua ialah ungkapan mesej yang ingin disampaikan oleh kedua-dua ungkapan amat berbeza. Hal ini kerana, jaku sema ialah ungkapan yang bersifat terus-terang, tidak bersembunyi dan tidak berteka teki apabila merujuk kepada sesuatu perkara. Sebaliknya, jaku silup ialah ungkapan yang bersifat tidak terus-terang, berteka-teki, tidak berfrasa atau tidak bersahutan dan hanya sepatah dua kata sahaja.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Artikel ini menjelaskan pelbagai ciri-ciri jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran bungai jaku oleh suku kaum Iban di Malaysia. Antaranya, kesukaran untuk memahaminya, merujuk kepada sesuatu yang spesifik, membandingkan perkara-perkara tertentu mempunyai erti yang bersembunyi dan mempunyai maksud yang tertentu. Secara tidak langsung, kertas kerja ini meningkatkan dan memperluaskan lagi pengetahuan pelajar lain berkaitan dengan bahasa Iban terutamanya jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran bungai jaku. Selain itu, ia penting bagi mengetengahkan keunikan sesuatu bahasa seperti bungai jaku dalam bahasa Iban. Di sini kepelbagaian dan keunikan ungkapan bahasa Iban dirungkaikan untuk pengetahuan umum.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Buku Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan (2014, hlm 48) menyatakan reka bentuk ini ialah satu set pengakhiran dalam menjalankan topik yang hendak dirungkai. Dalam sub-topik ini juga, pemilihan objektif kertas kerja, sampel dan populasi, datadata yang dihuraikan serta kaedah yang digunakan akan dilakukan. Kaedah ini dapat menjawab beberapa soalan berkenaan dengan tajuk soalan dan memberikan penjelasan yang terperinci tanpa mendatangkan kekeliruan.

## Ciri-ciri Jaku Sema dan Jaku Silup dalam Pengajaran Bungai Jaku

Analisis ciri-ciri jaku sema dan jaku silup ini berlandaskan kutipan data daripada 80 orang pelajar daripada empat buah kelas beserta empat orang guru. Terdapat 15 soalan berkaitan dengan ciri-ciri jaku sema dan jaku silup ditanda oleh pelajar pada kedua-dua ungkapan jaku sema dan jaku silup. Pelajar hanya menandakan betul dan salah untuk menyatakan mereka bersetuju atau tidak pada item yang telah disediakan.

### Membandingkan Sesuatu

Dalam konteks ini, membandingkan sesuatu merujuk kepada menceritakan perlakuan, keadaan dan aktiviti-aktiviti yang diajalkan oleh masyarakat Iban. Berdasarkan jadual tersebut, 79 orang pelajar dari lapan buah kelas dalam empat buah sekolah menyatakan ya dan bersetuju bahawa jaku sema dalam Bungai Jaku sememangnya membandingkan sesuatu keadaan. Hanya seorang pelajar dari kelas tingkatan lima di Sekolah Engkilili tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Keadaan ini dapat dilihat melalui jaku sema iaitu baka udun (sejenis ikan sungai) ke udah ditunu tisik (seperti ikan udun yang telah dibakar sisiknya), bermaksud orang yang tidak kacak dan cantik. Jaku sema ini membandingkan rupa paras manusia dengan keadaan sisik ikan yang telah dibakar. Maka perbandingan itu diselit, diadun dan dianyam dalam frasa dan ungkapan, tetapi frasa atau ungkapan demikian memanglah membawa maksud unsur perbandingan. Janang et al di dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm. iii) menyatakan bahawa ungkapan-ungkapan jaku sema digunakan untuk membandingkan sesuatu keadaan supaya pembaca memahami perkara yang diterangkan atau diceritakan.

Dalam ungkapan jaku sema iaitu baka udun (sejenis ikan sungai) ke udah ditunu tisik (seperti ikan udun yang telah dibakar sisiknya), agak jelas menunjukkan bahawa keadaan udun (sejenis ikan sungai) adalah lambang yang digunakan oleh penutur untuk mentafsir rupa paras seseorang yang tidak kacak dan cantik.

Menurut Nik Hassan (2009, hlm. 25), semiotik ialah satu bidang bahasa yang mengkaji sesuatu simbol, tanda dan lambang linguistik serta lambang bukan linguistik. Justeru, ungkapan jaku sema mempunyai lambang untuk mentafsir keadaan wajah seseorang dengan menggunakan frasa-frasa figuratif supaya pendengar tidak terasa hati. Berkenaan dengan jaku silup, keseluruhan pelajar daripada lapan buah kelas tidak bersetuju bahawa jaku silup membandingkan sesuatu keadaan. Tujuh orang pelajar daripada empat buah sekolah tidak bersetuju bahawa jaku silup membandingkan sesuatu perkara iaitu dua orang pelajar tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, seorang pelajar tingkatan tiga SMK Lubok Antu, tiga orang pelajar daripada tingkatan lima SMK Simanggang dan seorang pelajar tingkatan lima SMK Engkilili.

Sebagai kesimpulannya, 79 pelajar daripada empat buah sekolah bersetuju bahawa jaku sema digunakan untuk membandingkan keadaan dan perbuatan supaya pendengar memahami mesej yang disampaikan. Sementara itu, berkenaan jaku silup, 73 orang pelajar tidak menyetujui bahawa aspek bungai jaku dalam bahasa Iban ini mempunyai perbandingan. Hal ini kerana, jaku silup dalam pengajaran bungai jaku berfungsi untuk memaklumkan tujuan perjalanan dan aktiviti seharian mereka bagi mengelakkan perbualan didengari oleh makhluk halus atau hantu. Selain itu, ia bersifat tidak berterus-terang dan mempunyai makna yang bersembunyi. Misalnya, bejalai ba ai atau berjalan di air bermaksud menjala atau memancing di sungai. Masyarakat Iban percaya bahawa makhluk halus atau hantu tinggal di bawah dagu dan mendengar setiap perkataan yang dituturkan. Oleh yang demikian, mereka menggunakan ungkapan bejalai ba ai untuk memaklumkan perjalanan ke sungai.

### Mesej Mudah Difahami

Lapan orang pelajar tingkatan satu di SMK Simanggang bersetuju bahawa mereka memahami mesej yang disampaikan melalui jaku sema dalam pengajaran Bungai Jaku. Di SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong, kesemua pelajar tingkatan dua dan

tingkatan lima SMK Simanggang memahami mesej yang disampaikan melalui jaku sema. Selanjutnya, separuh pelajar tingkatan tiga di SMK Lubok Antu memahami dan separuh lagi kurang memahami maksud yang diterangkan semasa pengajaran. Sembilan pelajar tingkatan tiga, SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong, enam pelajar dari dua buah kelas iaitu tingkatan empat SMK Engkilili dan SMK Lubok Antu serta tujuh pelajar tingkatan lima SMK Engkilili bersetuju bahawa mereka memahami isi yang disampaikan menerusi jaku sema dalam pengajaran Bungai Jaku. Jika dilihat melalui kenyataan yang ditulis di dalam buku *Jaku Dalam* (2006, hlm. iii), jaku sema bersifat berterus terang, tidak bersembunyi dan tidak berteka teki. Dengan itu, pelajar mampu memahami maksud yang ingin disampaikan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Bungai Jaku di dalam kelas. Misalnya, jaku sema asai ka nyirap bawang (ibarat menghiris bawang). Ungkapan ini memberikan maksud seseorang yang sedang berlinangan atau menitiskan air mata kerana mengalami detik kegembiraan atau kesedihan.

Justeru, maksud jaku sema yang disampaikan kepada pelajar mampu difahami dengan mudah kerana mereka tahu kesan yang berlaku apabila menghiris bawang. Sejumlah 50 orang pelajar mengerti dan 30 orang pelajar kurang mengetahui pesanan yang disampaikan melalui jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku dan selebihnya kurang memahami. Dua Orang pelajar tingkatan satu SMK Simanggang, tujuh orang pelajar tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong dan empat pelajar dari dua buah kelas iaitu pelajar tingkatan tiga SMK Lubok Antu dan Pelajar tingkatan lima SMK Engkilili faham akan mesej yang diajar dalam jaku silup. Manakala, Sembilan pelajar tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, sepuluh Pelajar tingkatan empat SMK Engkilili dan lapan pelajar dari tingkatan empat Lubok Antu juga tahu akan maksud ungkapan jaku silup. Akhir sekali ialah enam pelajar tingkatan lima dari sekolah SMK Simanggang mampu memahami erti jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku. Dalam bukunya *Sempama Jaku Iban (Iban Metaphor)* (Casper, 2010, hlm. a2), Casper menyatakan bahawa ujaran jaku silup mempunyai makna tersirat dan mampu

difahami oleh pendengar. Secara tidak langsung, pelajar tidak mampu memahami jaku silup kerana bersifat tersirat iaitu tidak terus terang seperti jaku sema yang membawa kata banding. Contohnya, munsang bebulu manuk (musang berbulukan ayam) bermaksud seseorang yang menyembunyikan perangnya sendiri daripada pengetahuan orang lain. Munsang ialah seekor binatang buruan dan manuk ialah haiwan yang dipelihara oleh manusia. Namun begitu jaku sema tersebut mempunyai maksud tersirat iaitu merujuk kepada perilaku manusia.

Keadaan ini menunjukkan bahawa ungkapan tersebut menyatakan perkara secara terus dengan benda lain namun, mempunyai makna yang berbeza daripada makna asalnya. Tidak hairanlah bahawa jaku sema ini sukar difahami oleh pelajar kerana memerlukan ketajaman otak untuk memberikan maksud yang lain daripada makna asalnya. Dapat dirumuskan bahawa pelajar mudah memahami maksud dan mesej jaku silup yang disampaikan oleh guru. Hal ini kerana, jaku sema bersifat berterus-terang ataupun mempunyai maksud tersurat. Akan tetapi, jaku silup pula bersifat tersirat dan amat sukar untuk difahami apabila penutur menggunakan istilah asal Bahasa Iban yang tidak pernah didengari oleh pelajar pada masa kini. Jelaslah bahawa makna tersirat, tersurat dan makna konseptual adalah aspek makna yang terdapat dalam Jaku Sema dan Jaku Silup dalam Pengajaran Bungai Jaku.

### Merujuk Kepada Sesuatu Yang Spesifik

Dalam konteks kajian ini, sesuatu merujuk kepada perilaku, perasaan, keadaan, kesakitan, perhubungan, masa, kekeluargaan dan motivasi. Separuh daripada jumlah responden dari tingkatan satu SMK Simanggang menunjukkan bahawa mereka bersetuju dengan kenyataan jaku sema merujuk kepada sesuatu yang spesifik dalam pengajaran Bungai Jaku, manakala separuh pelajar tidak bersetuju. Keseluruhan responden dari tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong serta pelajar tingkatan empat SMK Engkilili juga menyatakan bahawa jaku sema merujuk kepada perkara, keadaan dan perasaan. Enam pelajar dari tiga buah

kelas iaitu tingkatan tiga SMK Lubok Antu, tingkatan lima SMK Simanggang dan SMK Engkilili mengiyakan bahawa jaku sema mempunyai maksud yang tersendiri dan yang selebihnya tidak bersetuju. Responden dari tingkatan empat SMK Lubok Antu, hanya empat pelajar sahaja yang tahu bahawa maksud jaku sema merujuk kepada sesuatu yang spesifik. Jaku sema, enda puntan ngapa (tidak pernah hampa) memberikan maksud sikap seseorang yang tidak akan berputus asa jika sesuatu yang diinginkan belum tercapai. Ungkapan ini ialah kata-kata yang memberikan semangat dan motivasi kepada anak-anak yang bersekolah supaya belajar bersungguh-sungguh sehingga ke menara gading. Justeru, jaku sema enda puntan ngapa merujuk kepada daya usaha seseorang seperti mendapatkan segulung ijazah, mencari pekerjaan dan mendapatkan perempuan yang diinginkan. Sementara itu, berkenaan jaku silup, separuh responden dari tingkatan satu SMK Simanggang dan tingkatan tiga SMK Lubok Antu menyatakan bahawa jaku silup merujuk kepada sesuatu yang spesifik dalam pengajaran Bungai Jaku dan separuh lagi sebaliknya.

Keseluruhan responden dari tiga buah sekolah iaitu dari tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong serta pelajar dari tingkatan empat SMK Engkilili menyatakan bahawa jaku silup tidak mempunyai maksud yang spesifik. Seterusnya, enam orang responden dari tingkatan empat SMK Lubok Antu, tujuh orang pelajar dari SMK Simanggang dan empat pelajar dari tingkatan lima SMK Engkilili bersetuju dengan kenyataan bahawa jaku silup bersifat spesifik dalam pemberian maknanya. Misalnya, jaku silup, panjuk tating (jerat rantai kapal yang diperbuat daripada timah) bermaksud menambahkan beban berat yang ditanggung ataupun menambahkan kesusahan yang sedang dialami oleh seseorang. Melalui contoh tersebut, jelas menunjukkan bahawa panjuk tating bukan hanya merujuk kepada jumlah keadaan berat beban sahaja, malah merujuk kepada situasi yang dialami. Rantai kapal dibuat daripada bijih timah untuk menambat kapal ketika di tengah laut sedangkan jerat ialah tali yang disimpulkan untuk menahan dan menangkap burung atau haiwan buruan. Masyarakat Iban yang dahulunya menggabungkan

jerat dan rantai kapal untuk menerangkan dua perkara iaitu muatan yang dikendong sangat berat dan kesusahan yang payah ditanggung oleh seseorang. Sebagai rumusan, keseluruhan responden mengiyakan bahawa jaku sema merujuk kepada makna yang spesifik sedangkan jaku silup pula sebaliknya. Namun begitu, agak jelas bahawa contoh yang diberikan menunjukkan bahawa ungkapan jaku jaku sema dan silup merujuk kepada pelbagai mengikut konteks atau situasi yang sesuai.

### Mempunyai Erti yang Tersembunyi

Sepuluh orang pelajar dari dua buah sekolah iaitu tingkatan satu SMK Simanggang dan pelajar tingkatan empat SMK Engkilili menyatakan bahawa jaku sema tidak mempunyai maksud yang tersembunyi. Tujuh orang responden dari tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong juga menyatakan bahawa jaku sema tidak mempunyai maksud yang tersembunyi. Seterusnya, sembilan pelajar tingkatan tiga dari dua buah sekolah iaitu SMK Lubok Antu dan SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong tidak menyetujui kenyataan berikut. Pernyataan ini juga diakui oleh tiga buah sekolah iaitu tiga orang pelajar tingkatan empat SMK Lubok Antu, lapan orang pelajar tingkatan lima SMK Simanggang dan enam orang responden di tingkatan lima SMK Engkilili mempunyai pendapat yang sama. Jaku sema munyi burung belatuk nebuk bungkung (seperti burung belatuk menebuk bonggol kayu) menerangkan seseorang yang mengalami batuk menyebabkan tidak dapat tidur dengan lena.

Masyarakat Iban dahulunya yang bekerja sebagai petani sering kali mendengar bunyi siulan burung-burung dan sahutan haiwan-haiwan. Keadaan ini menyebabkan mereka mencipta jaku sema dengan membandingkan bunyi burung belatuk menebuk bonggol kayu seakan sama seperti bunyi orang yang mengalami sakit batuk. Selanjutnya, melalui jadual tadi menunjukkan bahawa terdapat sembilan orang responden dari tiga kelas menyetujui bahawa jaku silup mempunyai erti yang tersembunyi. Tiga kelas tersebut ialah pelajar di tingkatan satu SMK Simanggang, Pelajar tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong dan tingkatan lima

SMK Simanggang. Terdapat lapan pelajar tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit dan enam orang pelajar daripada kelas tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong, dan sepuluh orang pelajar tingkatan lima SMK Engkilili menyatakan bahawa jaku silup mempunyai maksud yang tersembunyi. Tambahan lagi, tiga pelajar dari dua buah sekolah iaitu responden tingkatan empat, SMK Lubok Antu dan enam pelajar lagi dari tingkatan lima SMK Engkilili menyatakan bahawa jaku silup erti yang tersirat. Jaku silup sering kali dituturkan untuk menyindir secara sopan agar pihak tidak menyakiti hati sebelah pihak. Secara tidak langsung, jaku silup mempunyai erti yang bersembunyi, tidak berterus terang dan memerlukan ketajaman otak untuk mengerti maksudnya. Sebagai contoh jaku silup ialah punggu atau dahan pungar. Makna harfiah punggu ialah dahan pungar atau pokok mati sebaliknya makna dalam konteks jaku silup ialah menggambarkan kesusahan dalam sebuah kehidupan yang dialami oleh seseorang. Sebagai kesimpulannya, jaku sema ialah aspek bungai jaku yang bersifat berterus-terang dan mempunyai maksud yang tidak bersembunyi. Oleh yang demikian, ungkapan tersebut mampu dikenal pasti oleh pendengar atau pembaca terutamanya golongan pelajar. Sebaliknya jaku silup ialah ungkapan yang tidak bersifat berterus-terang, malah ia mempunyai makna yang tersirat. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan perselisihan faham antara penutur dan pendengar. Selain itu, jaku silup dituturkan untuk mengelakkan berlakunya kecelakaan.

### Mempunyai Maksud yang Tertentu

Jaku sema dan jaku silup mempunyai maksud yang tertentu dan diakui oleh 80 orang pelajar daripada lapan buah kelas di empat buah sekolah menengah. Empat pelajar dari dua buah kelas iaitu tingkatan satu dan tingkatan lima SMK Simanggang mengakui bahawa jaku sema mempunyai maksud tertentu dan selebihnya tidak bersetuju. Keseluruhan responden dari tingkatan dua SMK Simanggang dan tingkatan empat SMK Engkilili juga menyatakan sedemikian. Selain itu, pelajar dari SMK Lubok Antu berjumlah

sembilan orang tingkatan tiga dan tujuh dari kelas tingkatan empat serta lapan orang responden dari tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong mengiyakan pernyataan tersebut. Separuh responden dari tingkatan lima SMK Engkilili juga mempunyai pendapat yang sama. Misalnya, baka ukui labuh anak (seperti seekor anjing yang terjatuh anaknya) bermaksud seseorang yang tak boleh duduk diam ataupun seringkali berasa gelisah. Dalam masyarakat Iban, ia sering digunakan untuk menyindir secara sopan apabila melihat seseorang itu berjalan secara mundarmandir sambil menundukkan kepala. Dapat dilihat bahawa ungkapan jaku sema, baka ukui labuh anak hanya membawa satu maksud sahaja iaitu merujuk kepada ragam manusia. Seterusnya, jaku silup mempunyai maksud yang tertentu. Berdasarkan jadual berikut, ia jelas menunjukkan bahawa 48 orang responden menyatakan jaku silup mempunyai maksud yang tertentu dan 32 orang lagi tidak bersetuju. Terdapat enam orang responden daripada dua buah sekolah iaitu tingkatan satu SMK Simanggang dan tingkatan tiga SMK Lubok Antu bersetuju dengan item tersebut.

Selanjutnya, pelajar tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong berjumlah lapan orang responden, keseluruhan pelajar tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Simanggang juga menyatakan bahawa jaku silup mempunyai maksud yang tertentu. Tiga orang pelajar tingkatan empat SMK Lubok Antu dan lima orang pelajar tingkatan lima, SMK Engkilili mempunyai pendapat yang sama. Namun keseluruhan pelajar dari tingkatan empat SMK Engkilili menyatakan bahawa jaku silup tidak mempunyai maksud yang tertentu. Jaku silup lumpak atau sesuatu yang mudah dibelah (tetapi bukan merujuk kepada kayu) ialah sifat seseorang yang mudah atau cepat marah. Melalui contoh yang diberikan, lumpak ialah satu ungkapan yang mempunyai maksud tertentu iaitu merujuk kepada emosi seseorang yang bersifat sensitif. Jaku silup ini dituturkan bagi menjaga hati seseorang agar tidak menimbulkan perselisihan faham dengan pihak yang lain. Secara tidak langsung, ungkapan ini dituturkan kepada orang yang mudah berang atau panas hati. Agak jelas bahawa penggunaan

jaku silup dalam sesebuah perbualan adalah perkara yang amat penting dalam sesebuah masyarakat. Secara keseluruhan, 57 orang responden menyatakan bahawa jaku sema mempunyai maksud yang tertentu. Bagi jaku silup pula, sebanyak 48 orang responden yang bersetuju dengan kenyataan bahawa ungkapan tersebut mempunyai maksud yang tertentu. Melalui contoh yang telah diberikan, dapat ditunjukkan bahawa jaku sema dan jaku silup mempunyai maksud yang tertentu iaitu makna berlapis, makna denotatif dan konotatif. Pemahaman pelajar adalah sedemikian kerana mereka kurang diberikan pendedahan terhadap maksud yang ingin disampaikan, malahan contoh-contoh yang diberikan di dalam buku teks sangat terhad.

Bermula dengan Kata Banding Asai, Baka, Enda dan Munyi

Jaku sema kata banding asai, baka, enda dan munyi dan sebaliknya bagi jaku silup. Keseluruhan pelajar daripada enam buah kelas dari empat buah sekolah iaitu tingkatan satu dan tingkatan lima SMK Simanggang, tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong, tingkatan empat SMK Lubok Antu dan tingkatan lima SMK Engkilili menyetujui bahawa ungkapan jaku sema bermula dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi. Bagi dua buah sekolah lagi ialah sebanyak ialah sembilan orang dari tingkatan tiga Lubok Antu dan tujuh orang dari tingkatan empat SMK Engkilili. Keadaan ini menunjukkan bahawa keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, Satia Gerik (2009) menerangkan bahawa empat kata banding digunakan di pangkal ayat iaitu asai, baka, munyi dan enda untuk membina ungkapan jaku sema. Empat contoh ungkapan ialah asai diau di baruh punggu (ibarat tinggal di bawah dahan pungar) menggunakan kata banding asai, baka lauk mayuh kuah (lebih kuah dari isinya) menggunakan kata banding baka, munyi mulut indu (seperti mulut perempuan) menggunakan kata banding munyi dan enda rentang ati (tidak lurus hati atau tidak jujur) menggunakan kata banding enda. Berkenaan jaku silup pula berlaku sebaliknya.

Berdasarkan jadual yang telah dipaparkan, menunjukkan bahawa sejumlah 66 pelajar daripada 80 orang responden membantah kenyataan yang menjelaskan bahawa ungkapan jaku silup bermula dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi. Seorang pelajar daripada tiga buah kelas iaitu tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, tingkatan tiga SMK Lubok Antu, tiga orang responden daripada kelas tingkatan empat SMK Engkilili dan dua orang pelajar dari tingkatan lima SMK Engkilili adalah responden yang mengiyakan bahawa ungkapan jaku silup bermula dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi. Kesimpulannya, 76 pelajar daripada 80 responden bersetuju bahawa ungkapan jaku sema bermula dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi atau sesuatu yang boleh dilihat, didengar dan dirasai, Bagi ungkapan jaku silup pula berjumlah 66 orang responden tidak bersetuju bahawa jaku silup bermula dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi.

### Menerapkan Cara Hidup Manusia

Jumlah responden daripada lapan buah kelas yang mengakui sama ada ungkapan-ungkapan jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku menerapkan cara hidup manusia atau tidak. Sebanyak 50 orang responden dari lima buah kelas mengakui bahawa jaku sema menerapkan cara hidup manusia iaitu pandangan pelajar tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong, tingkatan tiga dan tingkatan empat SMK Lubok Antu dan tingkatan lima SMK Simanggang. Bagi tiga buah kelas pula sebanyak sembilan orang responden dari tingkatan satu SMK Simanggang, tujuh orang pelajar dari tingkatan empat SMK Lubok Antu dan lima orang pelajar dari tingkatan lima SMK Engkilili. Contoh jaku sema yang menerapkan cara hidup manusia iaitu enda megai ulu belama, bisi maya megai mata (manusia tidak selamanya memegang bahagian hulu parang, ada kalanya akan memegang mata parang jua).

Ungkapan ini sering digunakan untuk membandingkan sesebuah kehidupan yang dijalani oleh manusia bukan hanya

menikmati kesenangan sahaja bahkan menikmati kesusahan juga. Dalam masyarakat Iban, parang adalah sejenis alatan yang digunakan dalam aktiviti seharian iaitu berkebun. Secara tidak langsung, ungkapan-ungkapan jaku sema dalam pengajaran Bungai Jaku menerapkan budaya dan cara hidup manusia untuk membandingkan keadaan atau perlakuan manusia. Selain itu, ungkapan ini juga digunakan untuk memotivasikan individu-individu yang baru memulakan langkah untuk membina kehidupan baru. Jumlah responden yang menyetujui bahawa jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku menerapkan budaya atau cara hidup manusia. Sebanyak 33 orang responden bersetuju dengan kenyataan berikut dan yang selebihnya bersetuju. Tiga responden daripada empat buah kelas iaitu tingkatan satu SMK Simanggang, pelajar tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, dan tingkatan empat SMK Lubok Antu adalah antara pelajar yang menyatakan bahawa jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku menerapkan cara hidup manusia. Lima orang pelajar tingkatan tiga SMK Lubok Antu dan enam orang lagi dari tingkatan lima SMK Engkilili bersetuju dengan item yang ketujuh iaitu menyatakan bahawa jaku silup menerapkan cara hidup manusia. Bagi responden dari tingkatan lima, SMK Simanggang, keseluruhan pelajar bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Namun demikian, pelajar tingkatan empat di sekolah SMK Engkilili tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Jaku silup ialah injau kara (meminjam pokok banian) bermaksud seseorang yang tidak memulangkan barang yang dipinjam kepada pemiliknya. Melalui contoh tersebut, jaku silup ini menerapkan cara hidup manusia yang sering meminjam barang orang dan tidak mengembalikannya. Namun begitu, terdapat juga ungkapan-ungkapan jaku silup yang tidak menerapkan cara hidup manusia tetapi menerapkan sumber tumbuhan untuk merujuk sesuatu. Misalnya, buah lembu (rumput air) bermaksud bahagian perut pada anggota badan. Jaku sema lebih banyak menerapkan cara hidup manusia berbanding jaku silup. Hal ini kerana jaku silup bukan hanya menerapkan cara hidup manusia malah aktiviti seharian manusia, flora dan fauna juga diselitkan untuk mencantikkan

ungkapanungkapan jaku silup supaya tidak menimbulkan salah faham pada kedua-dua belah pihak. Keadaan ini sangat berkait dengan teori semantik iaitu Keperihalannya Keadaan J R Firth (1957). Menurut Firth, makna bersinonim dengan fungsi dan makna dapat dilihat dalam setiap peringkat struktur sesuatu bahasa serta konteks. Melalui kajian rintis yang telah dijalankan, responden iaitu Encik Belanda menyatakan bahawa pemilihan ungkapan-ungkapan dibina mengikut tema yang ingin disampaikan oleh penutur, misalnya kasih sayang, menjaga alam flora dan fauna sebagai pedoman hidup yang diterapkan dalam pengajaran Bungai Jaku. Jelaslah bahawa teori Semantik dan kajian lapangan iaitu kajian rintis yang telah dijalankan oleh pengkaji menjawab objektif dan soalan yang pertama iaitu mengenal pasti ciri-ciri.

Terdiri daripada Frasa-Frasa Figuratif

Jaku sema dan jaku silup terdiri daripada frasa-frasa figuratif yang diadili seramai 80 orang responden daripada lapan buah kelas dan empat buah sekolah yang berlainan di kawasan berhampiran dengan pengkaji. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014, hlm. 410), frasa figuratif ialah makna perkataan bersifat kiasan dan lambang yang lebih abstrak dan imaginasi daripada makna asalnya. Buku Ensiklopedia Bahasa Melayu (2008, hlm. 159), telah menyatakan bahawa perumpamaan ialah salah satu daripada kiasan langsung. Seramai 41 orang responden daripada enam buah kelas bersetuju dengan kenyataan yang mengatakan bahawa jaku sema terdiri daripada frasa-frasa yang bersifat figuratif. Seramai empat orang pelajar dari kelas tingkatan satu SMK Simanggang, sembilan orang dari dua buah kelas iaitu tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan tiga SMK Lubok Antu serta keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, tiga orang pelajar dari tingkatan lima SMK Simanggang dan enam pelajar dari tingkatan lima SMK Engkilili juga mempunyai pendapat yang sama. Namun begitu, keseluruhan responden dari dua buah kelas iaitu pelajar tingkatan empat SMK Engkilili dan pelajar tingkatan empat SMK Lubok Antu kurang bersetuju dengan

pendapat sedemikian. Merujuk kepada jadual tersebut, seramai 69 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Jika dilihat mengikut tingkatan, hanya seorang pelajar merupakan pelajar tingkatan satu dan tingkatan lima SMK Simanggang seorang, tingkatan tiga dan tingkatan empat SMK Lubok Antu, dua orang pelajar dari tingkatan empat SMK Engkilili serta tiga orang lagi pelajar tingkatan lima dari sekolah yang sama. Pelajar tersebut menyatakan bahawa jaku silup adalah frasa-frasa yang bersifat figuratif. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua ungkapan bunga bahasa dalam bahasa Iban dapat dirungkai dengan jelas menggunakan teori Semantik dalam Keperihalhan Keadaan J.R Firth 1957. Hal ini kerana,

Teori Semantik dalam Keperihalhan Keadaan J.R Firth 1957 mentafsir makna frasa-frasa yang bersifat figuratif. Secara tidak langsung, ia mampu membantu pengkaji dalam menjawab objektif kajian yang pertama iaitu menghuraikan tema jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran bungai jaku. Jaku sema dan jaku silup bersifat kiasan dan menggunakan lambang untuk mentafsir makna yang tersirat dan tersurat. Kesimpulannya, seramai 41 orang pelajar bersetuju dengan menyatakan bahawa jaku sema terdiri daripada frasa frasa figuratif dan hanya 11 orang responden juga mempunyai pendapat yang sama terhadap jaku silup dalam pengajaran bungai jaku. Jaku sema yang mempunyai frasa-frasa figuratif ialah baka ti ngerara para angus (seperti memadamkan api yang menghanguskan rak dapur) bermaksud ragam seseorang yang cepat melakukan kerja. Orang Iban dahulunya mempunyai rak dapur dan diletakkan di kawasan dapur untuk melakukan aktiviti memasak. Jika api menghanguskan rak dapur, ia akan cepat dipadamkan untuk mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini iaitu kebakaran. Secara tidak langsung, perbuatan tersebut digunakan oleh orang lama untuk membandingkan seseorang yang bergerak pantas dan tangkas. Ungkapan ini digunakan untuk mendidik masyarakat supaya menjadi seorang yang bersifat rajin semasa melakukan kerja. Contoh bagi jaku silup ialah bulan begantung senduk bermaksud situasi seseorang yang sedang mengikat perut. Ungkapan ini sering dituturkan apabila gaji

seseorang individu itu hampir habis dan tiada wang digunakan untuk membeli makanan ataupun pada hujung bulan. Dengan ini, jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran bungai jaku adalah bersifat kiasan dan mempunyai makna lain daripada makna asalnya. Secara tidak langung, kedua-dua ungkapan bunga bahasa ini terdiri daripada frasa-frasa yang bersifat figuratif.

## Berirama

Jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran bungai jaku adalah antara susunan kata Bahasa Iban yang berirama. Bagi jaku sema dalam pengajaran bungai jaku, seramai 46 orang responden daripada 80 orang responden mengatakan bahawa ungkapan aspek bungai jaku bahasa Iban tersebut berirama. Terdapat lima orang pelajar dari tingkatan satu SMK Simanggang, sembilan orang dari kelas tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan enam responden dari tiga buah kelas iaitu tingkatan tiga SMK Lubok Antu, tingkatan lima SMK Simanggang serta tingkatan lima SMK Engkilili. Begitu juga dengan pelajar tingkatan empat SMK Engkilili seramai tiga orang dan SMK Lubok Antu hanya seorang pelajar serta tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, keseluruhan responden mengakui bahawa jaku sema dalam pengajaran bungai jaku adalah ungkapan Bahasa Iban yang berirama. Contoh yang boleh dilihat untuk menunjukkan bahawa jaku sema itu berirama ialah baka juak di kaki rantau, napatka riak tampun bubu; kenyali di ulu kanyau, napatka kembayau mansau ngabu. Rima akhir bagi contoh tersebut ialah ab,ab. Jaku sema ini bermaksud ibu bapa pihak lelaki berhasrat untuk merisik perempuan kerana mereka tahu bahawa pasangan tersebut bersependapat untuk mendirikan rumah tangga. Dalam masyarakat Iban, persetujuan kedua-dua belah pihak dalam soal perkahwinan amat penting.

Hal ini bagi mengelakkan berlakunya penceraian dalam sesebuah rumah tangga. Jaku silup dalam pengajaran bungai jaku adalah ungkapan yang berirama. Seramai 50 orang pelajar meyangkal pernyataan tersebut. Mereka mungkin tidak faham atau tidak dapat menghayati bahasa demikian. Mereka ialah lima orang

dari tingkatan satu SMK Simanggang, dua orang pelajar dari tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, empat orang pelajar dari tingkatan tiga dan sembilan orang pelajar dari tingkatan empat SMK Lubok Antu serta tujuh orang pelajar dari tingkatan empat dan tiga orang pelajar dari Tingkatan Lima SMK Engkilili. Keseluruhan responden dari dua buah sekolah iaitu pelajar tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Simanggang yang menyangkal kenyataan tersebut. Pada keseluruhannya, 46 orang mengatakan bahawa jaku sema dalam bungai jaku adalah ungkapan dalam Bahasa Iban yang berirama dan 50 orang pelajar tidak bersetuju bahawa jaku silup adalah ungkapan yang berirama. Bagaimanapun, Satia Gerik (2009) menjelaskan bahawa jaku silup menggunakan hanya dua atau tiga perkataan sahaja untuk membina sebuah frasa jaku silup, maka sukar untuk mencari rimanya. Namun begitu, terdapat jaku silup melebihi dua atau tiga patah perkataan misalnya, kudi memuri ari enda ujan, ikak lelanggak ikan enda ngaban (berudu marah tapi hari tak hujan, berudu yang lebih besar letih namun ikan tidak bertelur). Melalui contoh tersebut, jaku silup adalah ungkapan yang berirama iaitu pada rima akhir bagi ungkapan tersebut ialah a,a. Secara umumnya, kedua-dua aspek bungai jaku bahasa Iban ini mempunyai ungkapan yang berirama.

#### Daripada Sepatah Dua Perkataan sahaja

Jaku sema dan jaku silup terdiri daripada beberapa patah perkataan iaitu sepatah atau dua sahaja. Pelajar-pelajar yang bersetuju bahawa jaku sema terdiri daripada sepatah dua perkataan ialah hanya dua orang pelajar dari tingkatan satu SMK Simanggang, seorang pelajar dari tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong serta dua orang pelajar tingkatan tiga dan seorang tingkatan empat SMK Lubok Antu. Selebihnya ialah responden yang menyangkal kenyataan tersebut iaitu keseluruhan responden dari tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, tingkatan lima SMK Simanggang serta SMK Engkilili. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa mereka faham ungkapan jaku sema tidak terdiri daripada sepatah dua

perkataan sahaja dan menggunakan empat kata banding di pangkal ayat iaitu asai, baka, munyi dan enda untuk membina ungkapan jaku sema. Hal ini kerana mereka tahu bahawa ungkapan jaku sema terdiri daripada lebih daripada dua perkataan untuk membina ungkapan yang berima dan frasa-frasa figuratif. Namun begitu, terdapat ungkapan jaku sema yang hanya mengandungi dua perkataan sahaja iaitu baka batang dan munyi segenting. Jaku silup seperti ditunjukkan dalam jadual di atas, ramai pelajar mengakui bahawa jaku silup terdiri daripada sepatah dua perkataan sahaja. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan jumlah pelajar iaitu lapan orang dari tingkatan satu SMK Simanggang dan tingkatan tiga SMK Lubok Antu, tiga orang dari tingkatan empat SMK Engkilili dan sembilan orang daripada dua buah kelas iaitu tingkatan empat SMK Lubok Antu dan tingkatan lima SMK Engkilili.

Keseluruhan responden dari tiga buah kelas iaitu tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong serta tingkatan lima SMK Simanggang. Kenyataan ini juga dikukuhkan lagi melalui kenyataan oleh Janang et al (2009, hlm. iii) yang menyebut menyatakan bahawa jaku silup bersifat tidak berklausa, tidak bersahutan, dan hanya menggunakan sepatah dua kata sahaja. Misalnya, beganti (berganti) bermaksud seorang lelaki atau perempuan yang berkahwin untuk yang kedua kalinya. Ungkapan ini digunakan untuk menyindir kepada pihak tertentu secara sopan bagi mengelakkan perselisihan faham berlaku. Pada keseluruhannya, dapat ditunjukkan bahawa seramai 67 orang pelajar tidak bersetuju bahawa jaku sema tidak mempunyai satu atau dua perkataan sahaja dan jaku silup dalam pengajaran bungai jaku pula terdiri daripada sepatah dua perkataan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa contoh yang menyangkal jawapan yang dikemukakan oleh para pelajar dan menunjukkan bahawa kedua-dua bunga bahasa ini mempunyai dua atau tiga perkataan sahaja. Huraian-huraian beserta dengan contoh yang diberikan mampu membantu memahami perbezaan ungkapan jaku sema dan jaku silup.

## Berteka-Teki

Jaku silup adalah berteka-teki. Hanya 12 orang sahaja yang menganggap bahawa jaku sema bersifat teka-teki. Responden-responden tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu SMK Simanggang dan tingkatan tiga SMK Lubok Antu hanya 3 orang pelajar, seorang pelajar dari dua buah kelas iaitu pelajar tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Engkilili serta dua orang dari dua kelas iaitu tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Simanggang. Keseluruhan responden dari kedua-dua tingkatan empat ialah SMK Engkilili dan SMK Lubok Antu menyatakan bahawa jaku sema bersifat terus terang. Sebagai contoh, munyi pantang belatuk atau pun bunyi yang dihasilkan oleh burung belatuk semasa menebuk kayu untuk membuat sarang. Jaku sema ini menjelaskan bahawa seseorang manusia yang melakukan tugas atau kerja dengan cepat. Melalui contoh tersebut, manusia yang bertindak cepat dan tangkas diibaratkan sebagai seekor burung belatuk menebuk kayu dengan cepat. Makna asal dan makna ungkapan tersebut hampir sama iaitu perbuatan melakukan sesuatu kerja dengan pantas. Namun begitu, terdapat 55 responden pula menyatakan bahawa jaku silup berteka-teki atau pun bersifat tidak berterus terang.

Mereka ialah tujuh orang pelajar dari tingkatan satu SMK Simanggang, lapan orang daripada dua kelas iaitu tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan tiga SMK Lubok Antu, sembilan responden dari tingkatan lima SMK Simanggang dan tiga pelajar dari tingkatan lima SMK Engkilili. Pada keseluruhannya, pelajar daripada dua buah kelas iaitu tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan empat SMK Engkilili menyatakan bahawa jaku silup bersifat teka-teki. Rumusannya, pelajar lebih mengakui bahawa jaku silup bersifat teka-teki berbanding jaku sema. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi melalui kenyataan daripada Janang et.al (2009, hlm iii) yang menyatakan bahawa jaku silup ialah kata yang bersifat tersirat. Contohnya, mata engkudu (mata mengkudu) adalah sama erti dengan mata keranjang ataupun rambang mata dalam bahasa Melayu.

Mengkudu adalah sejenis tumbuhan yang boleh dijadikan ubat. Terdapat bintik-bintik hitam yang banyak pada buah mengkudu dan ia dipanggil mataengkudu oleh orang-orang Iban. Bagi pelajar yang kurang faham maksud ungkapan tersebut, mereka mempunyai tanggapan yang salah terhadap maksudnya. Jadual 4.1.12 menunjukkan pandangan pelajar bahawa jaku sema ialah ungkapan yang mudah dikenal pasti berbanding jaku silup. Keseluruhan responden dari tiga buah sekolah bersetuju dengan item tersebut iaitu pelajar dari tingkatan satu SMK Simanggang, tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan empat SMK Engkilili. Seterusnya, sembilan pelajar dari tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, empat pelajar dari tingkatan tiga SMK Lubok Antu tujuh dari tingkatan lima SMK Simanggang dan tingkatan lima SMK Engkilili seramai dua orang pelajar.

#### Dikenal Pasti

Namun begitu, terdapat sepuluh orang pelajar lagi dari tingkatan empat SMK Lubok Antu tidak dapat mengenal pasti jaku sema. Seperti yang telah dijelaskan, jaku sema bermula dengan kata banding asai, baka, enda dan munyi misalnya, baka batang dan munyi segenting ialah ungkapan jaku sema yang hanya mengandungi dua perkataan sahaja. Agak jelas bahawa pelajar mampu mengenal pasti jaku sema dengan kata banding di pangkal ayat walaupun menggunakan dua atau tiga patah perkataan sahaja. Bagi jaku silup, seramai 38 pelajar sahaja yang memahami ungkapan bungai jaku ini. Bagi sekolah SMK Simanggang, dua orang pelajar dari tingkatan satu, sembilan orang dari tingkatan lima serta dua orang juga tingkatan dua dan seorang dari tingkatan tiga dari SMK Datuk Patinggi Kedit Betong. Keseluruhan pelajar tingkatan empat, SMK Lubok Antu dan sembilan responden dari SMK Simanggang mampu mengetahui jaku silup. Keadaan ini berlaku kerana jaku silup boleh diketahui melalui jumlah perkataan yang digunakan sahaja. Contohnya, betebu di mulut (bertebu di mulut) bermaksud mengeluarkan kata-kata yang manis untuk melakukan penipuan). Ungkapan ini dituturkan kepada seseorang lelaki yang

sering berkata-kata manis dengan pasangannya namun tidak menepatinya. Ungkapan ini dituturkan untuk menyindir seorang lelaki yang mempunyai sifat sebegini. Seterusnya, jaku silup juga mempunyai ungkapan yang mengandungi lebih daripada dua atau tiga patah perkataan seperti labang apai labang ga anak (bapa borek, anak rintik) bermaksud seorang anak yang mengikut sahlah bapanya. Sebagai contoh, seorang bapa yang pandai mengukir, anaknya juga mempunyai kemahiran yang serupa. Secara tidak langsung, ini akan mengelirukan pelajar dan menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengenal pasti jaku silup kerana mempunyai jumlah perkataan yang tidak khusus.

Tambahan pula, jaku sempama dan jaku rama dalam bungai jaku bahasa Iban yang lain mempunyai dua atau tiga perkataan sahaja. Kesimpulannya, seramai 52 orang responden mampu mengenal pasti jaku sema dan 38 orang dapat memahami jaku silup. Penjelasan yang kurang kepada pelajar akan menyebabkan pelajar tidak faham tentang perbezaan jaku sema dan jaku silup dalam pengajaran Bungai Jaku. Selanjutnya, item ketiga belas merungkai ciri-ciri jaku silup ialah ungkapan yang digunakan di hutan atau di tempat berpenghuni. Seorang pelajar dari enam buah kelas iaitu tingkatan satu dan tingkatan lima SMK Simanggang, tingkatan dua dan tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, tingkatan empat SMK Lubok Antu dan tingkatan lima SMK Simanggang.

#### Digunakan di Hutan/Tempat yang Berpenghuni

Dua buah kelas lagi iaitu tingkatan tiga SMK Lubok Antu iaitu seramai enam orang dan tujuh orang pelajar tingkatan lima SMK Engkilili mengakui bahawa jaku sema digunakan ketika berada di hutan atau di tempat berpenghuni (makhluh halus). Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011, hlm. 1048) mendefinisikan jaku sema sebagai perbandingan suatu situasi untuk menggambarkan ragam manusia. Misalnya, baka landak, udah ditemu baka baka ular udah ditemu sima atau pun seperti seekor landak yang sudah diketahui rupanya, seperti seekor ular sudah diketahui dari ekornya. Jaku sema ini

bermaksud seseorang yang sudah diketahui perangnya. Ungkapan ini diucapkan bertujuan untuk menyindir sebelah pihak secara sopan agar tidak menimbulkan salah faham. Bagi jaku silup pula, ungkapan ini digunakan ketika berada di hutan atau di tempat berpenghuni. Ujaran ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan yang dijelaskan oleh Janang et al (2009, hlm. iii) bahawa jaku silup digunakan di tempat berpenghuni atau berhantu seperti hutan dan tempat yang masih dilanda bencana dipanggil menua kudi. Jadual berikut menunjukkan bahawa sembilan responden dari empat buah kelas iaitu tingkatan satu SMK Simanggang, tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, tingkatan empat SMK Engkilili dan tingkatan empat SMK Lubok Antu.

Seterusnya, tiga orang responden dari dua buah sekolah iaitu tingkatan tiga SMK Lubok Antu dan tingkatan lima SMK Engkilili serta keseluruhan responden juga dari dua buah sekolah iaitu tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Simanggang bersetuju dengan kenyataan pada item berikut. Contohnya, bagi jaku silup yang digunakan di hutan ialah matah ka lengan bermaksudnya hendak makan. Ungkapan ini sering diucapkan semasa melakukan aktiviti di kebun dan di hutan. Hal ini bagi mengelakkan daripada berlakunya kecelakaan yang tidak diingini. Masyarakat Iban percaya bahawa hantu atau pun makhluk halus sentiasa mendengar setiap perkataan yang terkeluar daripada mulut. Oleh yang demikian, mereka harus menjaga tutur kata dan tingkah laku agar tidak diganggu daripada benda-benda yang tidak diundang dan diingini. Secara umumnya, hanya 20 orang responden menyatakan bahawa jaku sema digunakan di hutan atau di tempat berpenghuni. Bagi jaku silup pula, seramai 70 orang bersetuju dengan kenyataan iaitu jaku silup digunakan di hutan atau di tempat berpenghuni.

#### Digunakan untuk Mengelak daripada Malapetaka

Jaku sema dan jaku silup digunakan dalam tutur kata untuk mengelak daripada berlakunya malapetaka. Dalam konteks ini, malapetaka ialah bencana alam seperti banjir, rebut petir dan

tanah runtuh. Hanya lima kelas sahaja menyatakan bahawa jaku sema mampu mengelakkan daripada malapetaka. Antaranya, tiga daripada keseluruhan responden dari tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, sembilan dari kelas tingkatan tiga dan empat responden tingkatan empat SMK Lubok Antu, dua daripadanya dari kelas tingkatan lima SMK Simanggang serta enam dari tingkatan lima SMK Engkilili. Lima puluh tujuh orang pelajar pula menyatakan bahawa ungkapan jaku sema tidak dituturkan untuk mengelakkan daripada berlakunya malapetaka.

Bagi jaku silup pula, 65 responden menyatakan bahawa ungkapan bunga bahasa ini digunakan untuk mengelak daripada malapetaka. Keseluruhan responden daripada empat bersetuju dengan kenyataan berikut, antaranya tingkatan satu dan tingkatan lima SMK Simanggang, tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan empat SMK Engkilili. Tambahan lagi, sembilan orang dari kelas tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, lima orang daripada dua kelas iaitu tingkatan tiga SMK Lubok Antu dan SMK Engkilili serta enam daripadanya dari tingkatan empat SMK Lubok Antu. Secara keseluruhannya, seramai 24 orang sahaja menyatakan bahawa jaku sema digunakan untuk mengelak daripada malapetaka dan sejumlah 65 responden menyatakan bahawa jaku silup digunakan untuk mengelak daripada malapetaka. Janang et al (2009, hlm. iii) menjelaskan bahawa ungkapan jaku silup dituturkan bagi mengelakkan diri daripada ditimpa sebarang masalah. Casper dalam bukunya Sempama Jaku Iban (2014, hlm. 4) menyatakan bahawa ungkapan yang dilafazkan haruslah berjaga-jaga pada setiap tutur kata, perangai, tindakan dan perlakuan manusia bagi mengelakkan diri daripada menghadapi situasi yang buruk ataupun kecelakaan.

Bagi masyarakat Iban, hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti di luar rumah tidak akan disebut secara terus terang. Mereka percaya bahawa rezeki tidak akan senang diperolehi jika bermulut celupar kerana hantu berumah di bawah dagu masing-masing. Misalnya, kedil belayan ialah ungkapan yang sopan untuk menyatakan kesuburan tanaman padi. Ungkapan ini dilafazkan untuk mengelakkan padi tersebut dimakan haiwan perosak

ataupun tumbang disebabkan tiupan angin yang kuat. Menanam padi ialah aktiviti utama yang dilakukan oleh masyarakat Iban sehinggalah sekarang. Untuk mengelakkan daripada berlakunya malapetaka, masyarakat Iban haruslah menggunakan jaku silup bagi menjaga tutur kata dalam sesebuah perbualan. Item yang terakhir pada jadual 4.1.15 menunjukkan seramai 22 orang pelajar percaya bahawa jaku sema mampu mengelakkan kecelakaan. Dalam konteks ini, kecelakaan ialah sesuatu yang berlaku akibat kecuaihan seseorang. Respondenresponden berikut daripada tingkatan satu SMK Simanggang dan tingkatan empat SMK Lubok Antu hanya seorang, 4 orang tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan Tingkatan Lima SMK Engkilili serta dua orang dari tingkatan tiga SMK Lubok Antu.

### Mengelakkan Kecelakaan

Keseluruhan responden dari dua kelas iaitu pelajar dari tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Simanggang tidak bersetuju dengan item berikut. Orang Iban percaya bahawa jaku silup mampu mengelakkan daripada kecelakaan. Seramai 57 orang pelajar menyatakan bahawa jaku silup mengelakkan kecelakaan. Seramai sembilan orang daripada dua kelas iaitu tingkatan satu SMK Simanggang, dan tingkatan empat SMK Lubok Antu, lapan orang dari tingkatan dua SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, enam orang daripada tingkatan tiga SMK Lubok Antu dan lima orang dari tingkatan lima SMK Engkilili. Keseluruhan pelajar dari tingkatan tiga SMK Datuk Patinggi Kedit Betong dan tingkatan lima SMK Simanggang juga menyatakan bahawa jaku silup dapat mengelakkan kecelakaan. Sebaliknya, 23 orang pula tidak percaya bahawa jaku silup boleh mengelakkan kecelakaan jika dituturkan. Kesimpulannya, jaku silup ialah satu-satunya ungkapan yang digunakan untuk mengelakkan daripada berlakunya kecelakaan. (Janang et al, 2009, hlm iii). Misalnya, pait (rasa pahit) merujuk kepada besarnya atau beratnya bayi apabila dipegang atau didukung. Masyarakat Iban percaya bahawa bayi atau anak-anak kecil sangat mudah dijangkiti penyakit dan terkena

benda-benda sihir. Ungkapan ini dituturkan bagi mengelakkan bayi tersebut diganggu sesuatu ataupun ditimpa masalah.

## **PERBINCANGAN**

### Jaku Sema Persamaan Jaku Silup

Jaku sema dan jaku silup mempunyai ciri-ciri yang menjadikannya ia teristimewa berbanding ungkapan-ungkapan lain. Merujuk gambar rajah Venn, empat item dalam borang senarai semak terdapat dalam jaku sema iaitu membandingkan keadaan, mesej yang mudah difahami, bermula dengan kata banding baka, enda, munyi dan asai dan mudah dikenal pasti.

1. Membanding-kan Keadaan 2. Mesej Mudah Difahami 3. Bermula dengan kata banding baka, enda, munyi dan asai 4. Mudah dikenal pasti

2. Merujuk Sesuatu yang Spesifik 2. Mempunyai maksud tertentu 3. Menerapkan cara hidup manusia 4. Terdiri daripada frasa-frasa figuratif 5. Berirama 6. Terdiri daripada sepatah dua kata sahaja

3. Mempunyai erti yang bersembunyi 2. Berteka –teki 3. Digunakan di tempat berpenghuni 4. Untuk mengelakkan malapetaka 5. Mengelakkan daripada kecelakaan Jaku silup mempunyai lima ciri-ciri seperti mempunyai erti yang bersembunyi, berteka–teki, digunakan di tempat berpenghuni, untuk mengelakkan malapetaka dan dapat mengelakkan daripada kecelakaan. Seterusnya kedua-dua ungkapan ini mempunyai enam ciri-ciri yang sama. Misalnya, merujuk sesuatu yang spesifik, mempunyai maksud tertentu, menerapkan cara hidup manusia, terdiri daripada frasa-frasa figuratif, berirama dan mempunyai ungkapan yang hanya sepatah dua kata sahaja.

## **KESIMPULAN**

Jaku sema dan jaku silup ialah ungkapan yang unik dan digunakan untuk mencantikkan bahasa semasa bertutur. Selain itu, ungkapan

ini mampu membina ayat yang baik dan kreatif dalam penulisan bahasa Iban. Ciri-ciri yang dikenal pasti dapat memudahkan pelajar untuk memilih ungkapan yang sesuai dengan tema penulisan. Justeru, mesej yang ingin disampaikan mampu diterima oleh pendengar. Di samping itu, kertas kerja ini dapat meningkatkan jumlah bahan bacaan yang bersifat ilmiah dalam perkembangan Bahasa Iban di Sarawak. Secara tidak langsung, ia mampu dijadikan bahan rujukan kepada mana-mana pelajar. Dengan ini, diharap agar kajian ini dapat menjadi garis panduan kepada semua pihak dari semasa ke semasa. Justeru, dengan adanya kajian seumpama ini boleh menambahkan lagi bilangan penyelidik yang mengkaji kepelbagaian bahasa terutamanya bahasa Iban di Sarawak. Ungkapan jaku sema dan jaku silup mempunyai tema dan fungsi yang pelbagai. Ia bukan hanya menceritakan keadaan manusia, malah mengisahkan adat resam, ekonomi, pendidikan, sosial dan aktiviti-aktiviti yang menarik masyarakat Iban. Secara tidak langsung, budaya dan bahasa Iban di Sarawak dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar yang berada di Malaysia.

## RUJUKAN

- Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011). *Kuching, Sarawak*. The Tun Jugah Foundation.
- Casper Kayong Umping. (2010). *Sempama Jaku Iban (Iban Metaphor)*. Sibu, Sarawak: Sarawak Iban Writers Association (Siwa)
- Casper Kayong Umping. (2014). *Raja Berani Borneo: Sejarah Raja Berani Dayak Iban*. Sibu, Sarawak: Sarawak Iban Writers Association (Siwa)
- Casper Kayong Umping. (2014) *Sempama Jaku Iban*. Sibu, Sarawak: Sarawak Iban Writers Association (Siwa)
- Chemaline Anak Osup. (2006) *Leka Main: Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Tentang Bentuk Dan Fungsi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Chemaline Anak Osup. (2011). *Pengajaran Kemahiran Bertutur Dalam Kelas Bahasa Iban di SMK Tun Abdul Razak (Sarawak): Satu Kajian Kes*. Tanjong Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chemaline Anak Osup & Padang Anak Luna. (2011). *Morfologi Jaku Iban*. Perak Publications.
- Haji Zainal Abidin Safarwaan. (2002). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Janang Ensiring, Robert Menua Saleh. (2009). *Jaku' Dalam. Kuching, Sarawak*. The Tun Jugah Foundation. *Kamus Bahasa Iban – Bahasa Malaysia*. (1989). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Micheal Abunawas. (1985). *Berita Rayat No 159*. Sibul, Sarawak. Opis RASCOM.
- Micheal Abunawas. (1985). *Berita Rayat No 160*. Sibul, Sarawak. Opis RASCOM.
- Satia Gerik. (2009). *Bungai Jaku: Sempama*. Bintulu.